



EraHijau

Ke Arah Generasi Lestari

Keluaran No. 4 - 2006



Pendidikan Alam Sekitar



Kandungan

Falsafah Pendidikan
Alam Sekitar

3



Program Kesedaran
Alam Sekitar

4

Selamat Hari
Alam Sekitar

6



Citizens of the
Environment:
Are you one?

9



Hargailah Sisa Buangan,
Kitar Semula :
Jadikan Sisa Buangan
Sumber Kekayaan...

11

Anugerah Kecemerlangan
Alam Sekitar

14



Penghijauan Sekolah:
Sekolah Kebangsaan
Sungai Buloh

16



Environmental Education
Efforts: Sharing Experience with Malaysian
Nature Society

18



International News

20



SECEBIS HARAPAN DARI KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR

Anak-anak yang dikasih,

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Tahun 2006 telah hampir ke penghujungnya. Sempena cuti panjang persekolahan, saya pasti anak-anak telah merancang pelbagai aktiviti bersama ibubapa untuk mengisi masa lapang tersebut. Walau bagaimanapun jangan lupa memperuntukkan sedikit masa setiap hari untuk membantu ibubapa membersihkan rumah. Saya yakin ibubapa pasti berbangga mempunyai anak-anak yang rajin dan bertanggungjawab terhadap kebersihan persekitaran.

Alam sekitar terdiri daripada semua elemen kehidupan samada yang berneyawa atau pun tidak serta interaksi di antara kedua-duanya. Ini bermaksud bahawa sekiranya satu bahagian daripadanya digangu maka yang lain akan turut terasa akibatnya sama ada secara langsung atau tidak. Sebagai khaliyah yang diamanahkan oleh Tuhan menjaga bumi ini, kita perlu mengurus alam sekitar dengan sebaiknya seiring dengan pembangunan negara dalam memastikan kesejahteraan serta keharmonian alam sekitar tidak terganggu. Adakah kita sewenang-wenangnya mengharapkan kerajaan atau orang lain menjaga kebersihan persekitaran kita? Adakah kita mengamalkan amalan hijau untuk mengelakkan pembaziran sumber tenaga? Usia muda atau tua bukanlah menjadi ukuran untuk menjaga alam sekitar. Bumi ini satu-satunya tempat yang sesuai untuk kita tinggal dan miliki bersama. Kita menghirup udara yang sama dan berkongsi menggunakan sumber-sumber yang ada untuk satu kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Tentunya, apa sahaja yang menjadi milik kita, akan kita pertahankan dan lindungi dari segala bentuk kemusnahan.

Walau bagaimanapun, kesedaran sahaja tidak mencukupi tanpa pengetahuan, kefahaman, perubahan sikap dan penyertaan fizikal. Maka anak-anak sebagai bakal pemimpin di masa hadapan, perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai alam sekitar seterusnya mengaplikasi nilai-nilai murni alam sekitar dalam urusan kehidupan harian. Insya-Allah, berkat keikhlasan kita bersama bertanggungjawab terhadap alam sekitar dengan membudayakan hidup mesra alam, anugerah Tuhan ini akan sentiasa dilindungi untuk dinikmati oleh generasi kini dan akan datang.

Akhir kata, saya menyeru kepada anak-anak yang dikasih sekalian supaya sentiasa berfikir dan berusaha ke arah memajukan diri menjadi warganegara yang prihatin kepada alam sekitar.

Semoga alam sekitar kita sentiasa bersih, indah, disayangi serta dihoromi.

Salam mesra alam

DATO' HAJAH ROSNANI IBARAHIM

Sidang Pengarang Majalah ERA HIJAU 2006/2007

Penasihat

: Dato' Hajah Rosnani binti Ibarahim
Dr Ir Shamsudin Ab Latif
Ir Lee Heng Keng

Ketua Pengarang

: Patrick Tan Hock Chuan

Ahli

: Md Fouzi Abdullah (NRE)
Rosli bin Osman
Aminah Ali
Mohamed Safuan Mohamed Sanuar
Laina Abdul Jalil
Tengku Hanidza Tengku Ismail(UPM)

Dicetak oleh

: Harian Zulfadzli Sdn Bhd



Falsafah Pendidikan Alam Sekitar

SECARA AMNYA, FALSAFAH PENDIDIKAN ALAM SEKITAR MELIBATKAN TIGA KOMPONEN YANG RELEVAN SEBAGAI PANDUAN.

1

Akur kepada kewujudan alam sekitar itu yang menjadi sebahagian daripada unsur penting alam, di mana seluruh isi alam ini adalah tertakluk kepada kehendak Tuhan. Manusia memerlukan air untuk diminum dan menjalankan urusan sehari-hari. Udara perlu untuk pernafasan dan yang secara langsungnya juga menjadi asas kepada pembentukan haiwan-haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang menjadi makanan kita. Dengan berfikir secara reflektif, manusia akan sedar yang kesemua hidupan di dunia ini bergantung penuh kepada alam sekitar ciptaan Tuhan. Ini akan menimbulkan kesedaran kepada manusia tentang pemeliharaan alam sekitar.

2

Ilmu yang berkaitan dengan alam sekitar perlu diperdalam dan diperhalusi agar kita dapat memeliharanya secara bersama. Ilmu alam sekitar seperti bagaimana untuk memelihara dan memulihara alam sekitar dan langkah-langkah pencegahan mestilah datang dari sumber yang tepat dan sahih. Selain daripada menerima ilmu kepenggunaan dan pencemaran alam sekitar ini seorang itu juga harus memuhasabah diri sendiri tentang apakah, bagaimanakah, dan sejauh manakah yang kita tahu tentang isu alam sekitar ini bersesuaian dengan diri masing-masing. Adakah golongan remaja yang prihatin tentang isu alam sekitar dapat mendekati orang ramai, umpamanya turut memiliki ilmu yang seharusnya mereka miliki untuk sama-sama berperanan dalam kapasiti mereka. Dengan ini mereka dapat mengatur strategi untuk memikirkan cara yang sesuai untuk mereka bertindak.

3

Memupuk semangat kecintaan kepada alam sekitar dengan membicarakan nilai-nilai etika, moral dan estetika (keindahan). Umpamanya, para pengusaha industri harus mematuhi etika perniagaan yang berkaitan alam sekitar dan memikirkan nilai-nilai moral yang signifikan dalam hubungannya dengan masyarakat yang terpalit dengan urusan aktiviti mereka. Nilai estetika pula dikaitkan dengan keindahan dan kecantikan. Sungai-sungai, lautan dan tasik perlu kekal indah dan bersih, dan alam sekeliling yang menjadi tumpuan ramai perlu dipastikan jauh dari tercemar dan disebaliknya dihiasi dengan kehijauan agar udara dan suasana alam sekitar yang kita nikmati segar, nyaman dan menyihatkan.

CONFUCIUS

“BILAMANA KAMU

**MENGETAHUI SESUATU,
LANTAS BERPEGANGLAH
KEPADA APA YANG
KAMU TAHU ITU, DAN
BILAMANA KAMU TIDAK
MENGETAHUI SESUATU,
LANTAS MENGAKUI
YANG KAMU TIDAK
MENGETAHUINYA,
ITULAH YANG
DIKATAKAN ILMU
PENGETAHUAN”**



Program Kesedaran Alam Sekitar

Tahukah adik-adik bahawa impak yang kita beri kepada alam sekitar sekarang adalah berlipat kali ganda daripada apa yang telah dikenakan kepadanya pada dekad-dekad yang lalu? Pernahkah bertanya kepada diri sendiri tentang sumbangan adik-adik di dalam menjaga alam sekitar?

Sebagai permulaan, cuba jawab soalan-soalan di bawah:

- Adakah adik-adik cuba menjimatkan tenaga?
 - Adakah adik cuba mengasingkan bahan-bahan buangan di rumah (kepada botol kaca, plastik, tin aluminium, kertas atau sisa buangan dapur) supaya ianya boleh dikitar semula atau dijadikan kompos?
 - Adakah adik-adik berusaha untuk mengurangkan penggunaan air umpamanya menutup paip air semasa memberus gigi?
- Sekiranya jawapannya "ya", syabas kami ucapkan! Adik-adik sememangnya prihatin terhadap alam sekitar. Walau bagaimanapun penglibatan adik-adik masih perlu dipertingkatkan kerana soalan-soalan tadi hanya merupakan amalan asas bagi menjaga alam sekitar kita.

Adakah adik-adik pernah mengikuti program-program kesedaran alam sekitar yang dianjurkan oleh pihak sekolah atau agensi-agensi kerajaan atau swasta? Untuk pengetahuan adik-adik, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan pelbagai program kesedaran alam sekitar yang disasarkan untuk pelbagai lapisan masyarakat.

Antara program-program yang telah dijalankan adalah:

Program kesedaran bagi pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi

- Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)
- Program Wira Alam
- Pertandingan Debat Alam Sekitar antara Institut Pengajian Tinggi
- Program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar
- Pertandingan menulis esei/cerpen alam sekitar



Program kesedaran bagi masyarakat umum

- Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (21 - 27 Oktober setiap tahun)
- Anugerah Warga Alam
- Anugerah Langkawi
- Kuiz Alam Sekitar

pendidikan alam sekitar adalah merupakan program jangka panjang bagi mengawal dan mencegah pencemaran alam sekitar. Diharapkan agar program-program tersebut dapat menghasilkan individu yang prihatin terhadap alam sekitar. Pengubahsuaihan terhadap program-program sedia ada di samping pembentukan program-program baru yang lebih menarik diharap akan dapat menarik minat adik-adik bagi menyertai program



Program kesedaran bagi golongan sasaran tertentu

- Kursus Fasilitator Kem Kesedaran Alam Sekitar (golongan pendidik)
- Program Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar (bagi pihak berkuasa tempatan)
- Persidangan Wanita dan Alam Sekitar (golongan wanita)
- "Enviro-Walk" (golongan pengurusan atasan industri)
- Ceramah, pameran, lawatan, dialog dan pelbagai aktiviti
- Penerbitan dokumen, risalah dan poster

Kesemua program kesedaran ini menelan belanja yang besar serta memakan masa yang panjang untuk dibuktikan keberkesanannya. Walau bagaimanapun, pendidikan dan kesedaran alam sekitar bukan memadai sekadar mengikuti satu atau dua aktiviti, tetapi ianya perlu pendedahan dan penglibatan berterusan serta komitmen yang tinggi. Dengan ini selain daripada JAS, terdapat berbagai agensi kerajaan dan Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta yang melaksanakan aktiviti pendidikan dan kesedaran alam sekitar. Adakah adik-adik mengetahuinya dan pernah menyertainya? Jabatan Alam Sekitar akan tetap terus menganjurkannya memandangkan



kesedaran dan seterusnya mempraktikkannya di dalam kehidupan seharian.

Sekiranya bukan kita yang menjaga alam sekitar, siapa lagi? Fikirkanlah kesan yang akan dialami oleh alam sekitar dalam setiap tindakan yang kita lakukan. Kesedaran alam sekitar terletak di dalam diri sendiri dan tindakan yang diambil pula adalah pilihan kita. Buatlah pilihan yang bijak. Penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab kita bersama.

Punca: Tuhku Khalkausar T. Fathah **Emel:** anies@doe.gov.my
Punca: Rosli Osman **Emel:** ro@doe.gov.my

Selamat Hari Alam Sekitar

Kita meraikan hari-hari yang bermakna dalam hidup kita seperti Hari Merdeka, Hari Lahir, Hari Guru dan hari-hari lain yang istimewa. Hari-hari tersebut merupakan penghargaan atau cinta kita kepada seseorang atau sesuatu... begitu juga dengan Alam Sekitar. Untuk menunjukkan cinta kita kepada alam yang kita duduki ini memang wajar kita menyambut Hari Alam Sekitar.

Sepanjang tahun, terdapat beberapa hari istimewa yang diisytiharkan di peringkat global dan lokal bertemakan konservasi alam sekitar untuk disambut atau diraikan dengan pelbagai aktiviti pendidikan dan kesedaran alam sekitar, antaranya :

- Hari Hutan Sedunia (World Forests Day) - 21 Mac
- Hari Air Sedunia (World Water Day) - 22 Mac
- Hari Bumi (Earth Day) - 22 April
- Hari Astronomi (Astronomy Day) - 6 Mei
- Hari Alam Sekitar Sedunia (World Environment Day) - 5 Jun
- Hari Laut Sedunia (World Ocean Day) - 8 Jun
- Hari Populasi Sedunia (World Population Day) - 12 Julai
- Hari Pembersihan Sedunia (World Clean-up Day) - 15-17 September
- Hari Ozon Antarabangsa (International Ozone Day) - 16 September
- Hari Habitat Sedunia (World Habitat Day) - 6 Oktober
- Minggu Alam Sekitar Malaysia (Malaysia Environment Week) - 21-27 Oktober



- Hari Kitar Semula Kebangsaan (National Recycling Day) - 11 November
- Hari Kepelbagaian Biologi Sedunia (World Biodiversity Day) - 29 Disember

Adakah adik-adik tahu bahawa Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) telah diraikan sejak tahun 1991? Sambutan ini diadakan di peringkat kebangsaan dan diraikan mengikut giliran antara negeri-negeri. Tahun 2006 merupakan tahun ke-16 sambutan MASM. Penghormatan telah diberikan kepada Negeri Perlis sebagai tuan rumah



sambutan MASM 2006 Peringkat Kebangsaan. Majlis Pelancaran MASM 2006 telah disempurnakan oleh Y.A.B. Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Shahidan Bin Kassim di Dewan Wawasan 2020, Kangar, Perlis pada 12 September 2006. Tema sambutan MASM pada tahun ini adalah "*Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama*" (*Environmental Conservation, Our Shared Responsibility*). Pelbagai program dan aktiviti dianjurkan bagi mewujudkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjagaan alam sekitar. Program yang dianjurkan selama seminggu bermula dari 12 hingga 18 September 2006 melibatkan semua peringkat lapisan masyarakat.

Maka adik-adik perlu mengetahui keistimewaan hari-hari tersebut dan mencadangkan kepada sekolah tempat adik belajar untuk membuat pelbagai aktiviti menarik sesuai dengan hari tersebut sebagai tanda tanggungjawab dan prihatin terhadap alam sekeliling kita.

Minggu Alam Sekitar telah diraikan dengan aktiviti-aktiviti yang menarik:

- ◆ **Pertandingan Rekacipta Daripada Barang Terpakai Peringkat Kebangsaan (19 Julai - 14 Ogos, 2006)**
Seluruh sekolah Perlis telah mengambil bahagian.
- ◆ **Perkhemahan Jambori Alam Sekitar - (9-11 September, 2006)**
Seramai 102 pelajar dari 10 buah Sekolah Menengah Negeri Perlis telah menjayakan perkhemahan di Taman Negari Perlis di Wang Klian, Perlis.
- ◆ **Majlis Pelancaran MASM 2006 (12 September, 2006) Dewan Wawasan 2020, Kangar Perlis**
Kemuncak acara majlis pelancaran tersebut ialah pengumuman Penerima Anugerah Langkawi 2006. Pemenang menerima sijil yang ditandatangani oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, plak yang ditandatangani oleh Y.B Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar serta wang tunai bernilai RM 10,000. Sehingga kini, seramai 14 orang telah dianugerahkan sebagai pemenang Anugerah Langkawi.
- ◆ **Pameran Alam Sekitar (12-13 September, 2006) - Dewan Wawasan 2020, Kangar Perlis**

- ◆ Persindangan Wanita dan Alam Sekitar (14 September, 2006) - Auditorium Dewan Wawasan 2020, Kangar Perlis



- ◆ Pertandingan Mewarna dan Melukis (14 September, 2006) - Tasik Melati, Beseri

- ◆ Pasar Malam Mesra Alam (15 September, 2006) - Simpang Empat, Kuala Perlis

- ◆ Enviro-Challenge : Treasure Hunt Berbasikal (16 September, 2006) - Stadium Utama Negeri, Perlis

MASM telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Dengan adanya penglibatan pelbagai lapisan masyarakat kesedaran alam sekitar dapat dipupuk dari rumah hingga ke bangku sekolah. Namun begitu, masih ramai lagi masyarakat tidak sedar kewujudan hari yang istimewa ini dan kenapa kita meraikannya. Bak kata perpatah Melayu "tak kenal maka tak cinta". Oleh itu marilah kita mengenali dan menyayangi alam sekitar, barulah kita dapat menghargai penghargaan Tuhan kepada kita.

*Selamat Hari jadi Alam Sekitar...
Aku cinta pada mu.*



Citizens of the Environment: Are you one?



"They took all the trees
And put them in a tree museum
And they charged all the people
A dollar and half just to see 'em
Don't it always seems to go
That you don't know what you've
got
Till it's gone
They paved paradise
And put up a parking lot"

Joni Mitchell: Singer/Songwriter: Big Yellow Taxi:
1970

What is environmental citizenship?

OK!!! Environmental Citizenship is your responsibility as part of the community, stop... take a step back and think how your daily life and the lives of the people around you have an effect on our environment. Once you have a clear understanding of this idea, you will certainly volunteer to change your daily habits, so that both you and the environment can benefit.

Environmental Citizens in Action

How you can start?... Well, here are some great cool ideas:

- ✓ You might want to turn the tap off while brushing your teeth or washing your face...we do not need to waste this precious water, right?
- ✓ You could turn off the lights or electrical appliances in your homes, offices or classrooms when not in use!
- ✓ Hmm...why don't you try separating your household garbage and be rewarded at the buy back centre
- ✓ Every time you feel like purchasing food outside, bring your own food (or even drink) containers along
- ✓ Have you heard about a programme called river watch, which helps you understand the processes of monitoring river water quality in your area? Why not join one today?
- ✓ Maybe you could even start an association in your area which cares and protects the environment
- ✓ You could even co-organise a talk together with an environmental NGO as an activity or
- ✓ You together with your friends could start a small recycling centre where proceeds are channelled towards environmental activities for your area

Q1

Have you stopped yourself from throwing that piece of tissue paper or sweet wrapper outside the car or a bus window?

Q2

Are you worried when you see forests being cleared uncontrollably and you just wish you could do something to stop all this from happening?

Q3

Have you ever wondered, there might come a time, when the only place you and your friends might be able to see a tiger, an elephant, an orangutan or even a rhinoceros will be at the zoo?

If, you say YES to one or two of these question, congratulations... you are well on your way to being part of the citizens who care and will protect our environment to the best you can.

Let's get serious!

We at WWF-Malaysia with the help of our friends from The Teacher Education Division (TED), Curriculum Development Centre (CDC), Education Planning Research Department (EPRD), Department of Environment (DOE), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) and Global Environment Centre (GEC) are now conducting a nationwide survey.

You or even your friends may have seen us in your school or have been involved in the first phase of this survey entitled "Environmental Citizenship: Emerging Perspectives in Malaysia". We have reached out to 80 schools in 10 states in Malaysia and managed to gather the opinions of 6880 of your friends and their parents, teachers and the support staff. This survey targets Malaysians from all walks of life, ranging from politicians, government servants, general public, parents, educators, students and those in the business industry and media. This survey aims to measure Malaysian sense of ownership towards the environment.

We hope that the results of the survey would give us the information on the level of environmental citizenship among Malaysians. We anticipate that the result could be used as a reason to justify the need for a paradigm shift in taking action



towards the conservation of the environment in our country. In addition, the survey, which targets 13, 000 Malaysians needs your help in order to make it a success. You could be closer to being citizens of the environment by taking the survey online (or telling your friends and relatives about it) at www.eesurvey.org.my and in believing that you too could be part of making a difference on environmental conservation of the country.

In conclusion, the environment has no one else that it could depend on except for you and me. Its very existence tomorrow depends on whether you are willing to take that first step in translating your concerns into actions, which will ensure that it will still be there for our future generations to enjoy. As sang by Joni Mitchell in 'Big Yellow Taxi', there might come a day when the only way for you and I to see trees, will be in a tree museum. Let it not come to that, do you agree?



HARGAILAH SISA BUANGAN, KITAR SEMULA : JADIKAN SISA BUANGAN SUMBER KEKAYAAN...

**CONVERTING WASTE TO
WEALTH...
APPRECIATE YOUR WASTE:
RECYCLE AND REUSE**

Ingat laungan "surat khabar lama", "bateri lama", "tilam lama"..... Apabila kita berbicara tentang kitar semula, fikiran kita hanya tergambar surat khabar lama atau tin aluminium. Sebenarnya bukan setakat itu sahaja. Aktiviti kitar semula boleh dipelbagaikan merangkumi barang-barang lama dan bahan terbuang seperti perabot, pakaian, bekas makanan, bekas plastik, ranting dan daun kering, makanan dan lain-lain. Aktiviti kitar semula boleh dijalankan di sekolah-sekolah dengan bantuan guru-guru mahir dan rakan-rakan yang kreatif. Di sesetengah sekolah, aktiviti kitar semula yang dijalankan dapat menjana kewangan untuk digunakan bagi aktiviti-aktiviti lain seperti penghijauan sekolah, lawatan, kem kesedaran, membeli alatan-alatan sukan dan pancaragam sekolah.



Panel Penilai Kebangsaan Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar telah membuat lawatan ke sekolah-sekolah berikut:

- ◆ SRJK © Chi Hwa, Sandakan, Sabah
- ◆ SK Bakri Batu Lima, Muar, Johor
- ◆ SK Hamzah(2), Machang, Kelantan
- ◆ SK Bukit Jana, Kemunting, Perak
- ◆ SM K Hulu Kelang, Selangor

Hasil dari lawatan ini kami dapat merakamkan usaha guru dan pelajar menjalankan aktiviti kitar semula di sekolah. Bagi guru dan pelajar yang berminat untuk menjalankan aktiviti kitar semula, cubalah idea-idea mereka ini.



KERTAS, KOTAK DAN SURAT KHABAR LAMA

Selain dari dijual kepada pemungut surat khabar lama, ia juga dapat digunakan untuk menghasilkan kraftangan seperti bakul, bunga kertas, bekas pensil dan model-model pembelajaran. Kotak-kotak jika dibalut dengan kertas berwarna-warni dan dihias dengan riben dan bunga akan dapat digunakan untuk mengisi hadiah. Kertas kotak yang keras juga boleh digunakan untuk membuat bingkai gambar. Hiasi bingkai gambar tersebut dengan kulit siput atau kerang, bunga dan daun kering atau diwarnakan dengan corak yang menarik.



BOTOL KACA DAN PLASTIK

Botol-botol plastik digubah untuk dijadikan perhiasan di koridor sekolah dan bekas untuk menanam pokok bunga. Ianya juga boleh dijadikan bekas pensil dan perhiasan. Botol-botol kaca pula diwarnakan dan dilukis dengan corak-corak yang menarik untuk dijadikan bekas mengisi makanan dan minuman atau bekas bunga.

TIN ALUMINIUM

Tin-tin aluminium yang dikumpul selain dijual, ianya juga boleh digunakan untuk dijadikan bahan hiasan di atas meja dan di perkarangan sekolah.




Tahukah adik-adik?

Dengan menjimatkan satu ton kertas, adik sebenarnya telah menyelamatkan 70 batang pokok dewasa dari ditebang?

PAKAIAN-PAKAIAN LAMA ATAU PERCA KAIN

Pakaian lama yang dikumpul boleh didermakan kepada organisasi atau individu yang memerlukannya. Pakaian lama juga boleh dijual (Jumble Sale) semasa mengadakan Pesta Sukan Tahunan atau Hari Penyampaian Hadiah. Manakala reja-reja kain boleh dianyam untuk dijadikan alas kaki.



PERABOT/ALATAN LAMA ATAU ROSAK

Perabot/alatan lama yang rosak seperti kerusi, meja, komputer, tayar terpakai boleh diubahsuai untuk dijadikan perhiasan, tempat letak pasu bunga atau bangku sebagai tempat duduk.



RANTING, DAUN KERING DAN SISA MAKANAN

Cantasan pokok-pokok, daun-daun kering boleh dikumpulkan untuk dijadikan baja ‘kompos’. Sisa-sisa makanan dari kantin sekolah juga boleh dijadikan baja kompos.

Perpatah Inggeris mengatakan “one man’s waste is another man’s wealth”. Jadi adik-adik, sebelum kita lontarkan barang-barang terpakai atau sampah kita ke dalam tong sampah, ingat bahawa ‘nyawanya’ boleh dilanjutkan lagi. Jika sebelum ini kita tidak pernah terfikir tentang kegunaanya, sekarang tibalah masanya kita amalkan kitar semula. Mungkin adik-adik ada bakat yang terpendam. Nah.....tunggu apa lagi, cubalah!

ANUGERAH KECEMERLANGAN ALAM SEKITAR

Anugerah Kecemerlangan Alam Sekitar merupakan salah satu pengiktirafan yang diberikan oleh Jabatan Alam Sekitar kepada individu atau organisasi yang telah memberi komitmen dalam menjaga dan memulihara alam sekitar.

Anugerah kecemerlangan ini terdiri daripada empat kategori:

ANUGERAH LANGKAWI

Penghargaan dan penghormatan tertinggi negara yang dianugerahkan kepada orang perseorangan (rakyat Malaysia) yang telah menyumbangkan tenaga dan fikiran dalam bidang alam sekitar. Anugerah ini diperkenalkan pada tahun 1991 semasa penurunan tanda tangan Deklarasi Langkawi oleh ketua-ketua negara Komanwel (CHOGM) yang berlangsung di Langkawi, Kedah pada 18-24 Oktober 1989.

Anugerah ini merangkumi sumbangan individu ke arah :

- Meningkatkan penyertaan masyarakat dalam perlindungan alam sekitar
- Menghasilkan impak yang penting dan berjaya menyelesai masalah perlindungan alam sekitar di Malaysia atau antarabangsa
- Membawa perhatian masyarakat kepada masalah alam sekitar serta menggerakkan mereka ke arah penyelesaian



BANDAR LESTARI- ANUGERAH ALAM SEKITAR



Program Bandar Lestari dilancarkan pada tahun 2003 sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2003. Bandar Lestari ditakrifkan sebagai sebuah bandar di mana pembangunan (dari segi sosial, ekonomi dan fizikal) dicapai secara mampu. Polisi dan pelan tindakan sesuatu bandar itu mestilah mengambil kira kehendak masa kini tanpa menjaskan kehendak generasi akan datang.

Objektif penganugerahan ini adalah:

- Mengiktiraf usaha dan sumbangan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mencapai kelestarian alam sekitar melalui polisi dan tindakan
- Meningkatkan kesedaran berkaitan kelestarian alam sekitar dengan mendapat sokongan masyarakat tempatan
- Mengalakkan pendekatan inovatif dan amalan baik ke arah kelestarian alam sekitar

Penyertaan program ini adalah secara sukarela. Penerima pertama anugerah Bandar Lestari 2003/2004 adalah Majlis Perbandaran Kuantan



SEKOLAH LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR

Program Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar diciptakan semasa Simposium Pendidikan Alam Sekitar untuk Pengetua-Pengetua Sekolah Peringkat Kebangsaan pada 2001. Pertandingan Sekolah Lestari dibuka kepada sekolah rendah dan menengah. Tujuan program ialah untuk menghidupkan budaya mesra alam di sekolah.

Untuk mencapai status Sekolah Lestari, sekolah perlu menepati empat komponen:

- **Pengurusan** - merancang aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran sekolah dalam pendidikan alam sekitar berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- **Kurikulum** - menerap nilai-nilai alam sekitar (kepada murid dan guru) dalam pengajaran dan pembelajaran
- **Kokurikulum** - mengadakan aktiviti-aktiviti bertemakan alam sekitar seperti: Kempen Kesedaran Alam Sekitar; sukan seperti Enviro-Hunt, Larian Hijau; Program Kitar Semula
- **Penghijauan** - Aktiviti-aktiviti termasuk penceriaan landskap sekolah; program penanaman, pemeliharaan dan pemuliharaan pokok-pokok ; melabelkan nama saintifik dan tempatan pada pokok.

Anugerah tertinggi yang akan diperolehi oleh sekolah-sekolah yang mengambil bahagian ialah **Anugerah Sekolah Lestari**.



Sekolah Lestari
Anugerah Alam Sekitar



WIRA ALAM

WIRA ALAM

Projek Wira Alam dilancarkan pada tahun 1998, anjuran Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS). Pertandingan Projek Wira Alam dibuka kepada sekolah rendah dan menengah. Pengiktirafan akan diberikan kepada pelajar yang bergiat aktif dalam usaha perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar.

Peserta mestilah melengkapkan tiga projek (aktiviti) bagi setiap peringkat tahap:

- **Tahap 1: Wira Alam Diri** - aktiviti berdasarkan kepada kesedaran, sikap dan tindakan pelajar-pelajar
- **Tahap 2: Wira Alam Komuniti** - aktiviti meningkatkan kesedaran seperti kecerian alam, konservasi, kitar semula dan lain-lain.
- **Tahap 3: Wira Alam** - Aktiviti melibatkan komuniti, penggunaan sumber, kajian dan aplikasi kepada alam sekitar



Punca : Kamariah Abdullah Kairi Emel: kamariah@doe.gov.my



KAMI



DATANG



DENGAN



HARAPAN



MAJU



TERUS



MAJU



PENGHIJAUAN SEKOLAH: Sekolah Kebangsaan Sungai Buloh

Dalam usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran terhadap pemuliharaan alam sekitar di kalangan remaja di Malaysia, Tabung Alam Malaysia (WWF-Malaysia) telah memulakan Program Pendidikan Alam Sekitar yang akan melibatkan usaha bagi memantapkan lagi penyisipan Pendidikan Alam Sekitar dalam kurikulum sekolah kebangsaan. Pelajar-pelajar yang terpilih akan digalakkan merancang dan menjalankan aktiviti-aktiviti praktikal yang mesra alam selaras dengan keperluan matapelajaran yang diajar di sekolah.

Projek Penghijauan Sekolah.

Objektif utama program ini adalah untuk mewujudkan kawasan sekolah yang mesra alam melalui penyediaan taman-taman untuk pembelajaran dan persekitaran yang selesa dan nyaman. Sekolah Kebangsaan Sungai Buloh telah dipilih kerana minat dan komitmen yang ditonjolkan oleh sekolah ini dalam melibatkan diri dalam projek penghijauan.



Program ini telah dilancarkan pada 19hb Julai 2006 dan perasmianya telah disempurnakan oleh Dato' Haji Azmi bin Mat Nor selaku Pengarah Eksekutif.

Majlis dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Tuan Haji Zulkifli bin Hainin, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Sungai Buloh dan diikuti dengan ucapan serta perasmian program oleh Dato' Haji Azmi bin Mat Nor. Hadirin disediakan dengan persembahan IT yang menunjukkan proses-proses dalam penyediaan taman-taman hijau di persekitaran sekolah. Taman-taman ini telah dibangunkan seawal bulan Februari 2006 dan taman-taman ini telah diberi nama berdasarkan kepada kesesuaian penggunaannya dengan subjek pengajaran sehari-hari dan jenis-jenis tumbuhan yang ditanam di situ.

Sejauh mana adik-adik mengenali alam sekitar kita?
Tenangkan fikiran dan ujilah minda, dengan melengkapkan
'Teka Silang Kata Alam Sekitar' ini. Selamat Mencuba!



Nama : _____
Alamat : _____

Hantar Kepada: Pengarah, Bahagian Komunikasi Strategik,
Jabatan Alam Sekitar, Aras 1-4, Podium Blok 2 & 3, Lot 4G3, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 PUTRAJAYA. (u.p:ERA Network)

Taman-taman ini adalah:

Taman Hijau Gamuda
Taman Sains
Taman Herba
Taman Ilham

Lembah Hijau
Taman Ilmu
Taman Kaktus
Taman Nilam

'Projek Penghijauan Sekolah' ini diharap akan dapat diteruskan ke sekolah-sekolah lain agar usaha untuk mendidik masyarakat dalam mencintai dan memahami kepentingan menjaga alam sekitar akan tercapai. Sehubungan dengan itu, kerjasama dari pihak yang terlibat seperti agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, pihak swasta dan orang ramai amat diharapkan supaya alam sekitar di negara kita akan lebih lestari.

Projek Penghijauan Sekolah adalah usaha bersama WWF-Malaysia, Gamuda Berhad, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Punca: Anuar bin Jaafar & Thiagarajan Nadeson Emel: ajaafar@wwf.org.my & tnadeson@wwf.org.my

MELINTANG

- 1) Permudahcara dalam satu bengkel/latihan.
- 2) Singkatan bagi Minggu Alam Sekitar Malaysia.
- 3) Bahan kimia merbahaya yang dihasilkan dalam pembakaran plastik.
- 4) Kehilangan spesies haiwan atau tumbuhan kerana kesan aktiviti manusia ke atas biodiversiti.
- 5) Kegunaan tumbuhan selain dari untuk makanan.
- 6) Jenis Hutan di Malaysia ialah Hutan Hujan _____.
- 7) Diperbuat dari pulpa pokok dan boleh dikitar semula.
- 8) Jenis Haiwan yang melahirkan anak.
- 9) Taman Negeri Endau-Rompin terletak di negeri mana?
- 10) Pusat Kepelbagai Biologi terletak di _____, Pahang.
- 11) Bahan yang terdapat dalam darah yang boleh menyebabkan penyakit seperti sakit jantung.
- 12) Gunung tertinggi di Malaysia.
- 13) Variasi pelbagai bentuk kehidupan di bumi dikenali sebagai kepelbagai biologi atau _____.

MENURUN

- 1) Bahan dalam tumbuhan yang mempunyai nilai perubatan seperti anti-oksidan, anti-alergik dan anti-kanser.
- 2) Sekolah yang mempunyai ciri-ciri mesra alam diiktiraf sebagai _____.
- 3) Kawasan di kutub yang dipenuhi salji dan tiada tumbuhan hijau.
- 4) Bahan berbahaya yang boleh menyebabkan kanser.
- 5) Spesies yang mengancam hidupan yang mana aktivitinya menjadi punca utama kepupusan biodiversiti.
- 6) Keadaan udara yang dipenuhi asap menyebabkan kabur penglihatan.
- 7) Bahan yang dibuat dari petroleum dan boleh dikitar semula.
- 8) Protokol _____ adalah perjanjian antarabangsa untuk menghapus penggunaan Klorofluorokarbon (CFC).
- 9) Bahan yang mengandungi silika dan boleh dikitar semula.
- 10) Flavonoid dan saponin dalam tumbuhan boleh mengawal penyakit _____.
- 11) Sejenis daun yang boleh dibuat ubat.
- 12) Hari Alam Sekitar Malaysia disambut pada 21 Oktober bagi memperingati Deklarasi _____.
- 13) Sejenis tumbuhan yang wujud dari zaman Dinasour yang terdapat di Taman Negeri Perlis.
- 14) Undang-undang _____.

20 penyertaan awal dengan jawapan yang tepat akan menerima hadiah misteri.



Environmental Education Efforts: Sharing Experience with Malaysian Nature Society



The Malaysian Nature Society (MNS) is the largest home grown environmental non governmental organisation (NGO) in Malaysia. Founded in 1940, MNS is a non-profit-organisation with members and branches in every state.

Mission

To promote the study, appreciation, conservation and protection of the Malaysian Natural Heritage focusing on sustainable development and biological diversity.

Since its inception, MNS has infused environmental education elements in MNS activities. Our members play an integral role in nature conservation activities such as:

- ☛ slide shows
- ☛ talks
- ☛ hike
- ☛ camping trips
- ☛ excursions
- ☛ other activities

In the 1990s Environmental Education was institutionalised in the Society. MNS uses two approaches:

The in-situ approach

Nature education and field study centres were established at different ecosystems. At these centres, various hands-on activities such as jungle trekking, flora and fauna study, stream ecology, insect sampling and many more are conducted with emphasis on the ecosystem surrounding the nature education centres.

Education centres

- ☛ Forest Research Institute Malaysia (FRIM) - Kepong
- ☛ Rimba Ilmu Environmental Education Programme (RIEEP) - University Malaya
- ☛ Kuala Selangor Nature Park
- ☛ MNS-BOH Nature Study Centre- Cameron Highlands
- ☛ Dark Caves - Batu Caves
- ☛ Kertih, Terengganu



The ex-situ approach

The School Nature Club (Kelab Pencinta Alam) The club was established in 1991. It began with a pioneer group of 12 schools throughout the Klang Valley and today, its membership extends to 300 schools from all over Malaysia. The KPA projects aim to encourage care, understanding and involvement in various environmental activities and conservation efforts among school going generation. It provides opportunities for students to be involved with the environment through various activities such as trekking, recycling, composting, and learning about alternative energy, and participating in workshops, seminars, nature camps and field trips.

Among some of the special programmes held for KPA are:

- ❖ National Teachers Workshop
- ❖ KPA Camp and Workshop
- ❖ KPA Award
- ❖ Conserve Our Wetlands Project
- ❖ School River Basin & Water Quality Monitoring
- ❖ Peat Swamp Study
- ❖ Research & Adoption Programme
- ❖ Raptor Watch
- ❖ Festival of Wings, and many more

These activities are important to keep school children abreast with the current environmental issues while providing opportunities to meet new friends, exchange ideas and experiences.



Projek Wira Alam

This project was initiated in June 1998 by the Department of Environment in cooperation with MNS and the Ministry of Education. The project was launched by the former Minister of Science, Technology and Environment, YB Dato' Seri Law Hieng Ding and former Minister of Education, YB Dato' Seri Najib Tun Razak. Projek Wira Alam was first promoted through the MNS School Nature Club and due to its overwhelming response, the project was eventually opened to participation to all secondary and primary schools in Malaysia in 2000. The project consists of three activity books and comprises various environmental activities that teachers can use as a teaching tool while students can undertake it as a co-curricular activity during their club meetings.

Community Projects

MNS environmental education efforts extend to the local community. Some of these are:

- ❖ The Rafflesia of Ulu Geroh,
- ❖ Indigenous Semai of Perak
- ❖ Save Our Sg. Buloh Forest Reserve Campaign and Tioman Island by the Residents Association of Kota Damansara



Last but not least, publications also serve as an important tool in promoting environmental awareness and understanding.

Our publications include:

- ❖ Malaysian Naturalist
- ❖ Malaysian Nature Journal
- ❖ Pak Cipan series
- ❖ Tapir Bulletin
- ❖ Environmental activity modules and books

INTERNATIONAL NEWS



The Kids' ISO 14000 Programme: Japan

More than 50,000 Japanese schoolchildren have participated in the programme, launched in 2000. The programme adopted the PDCA (Plan-Do-Check Act) cycle.

P- plan what and how you want to measure at home e.g. waste

D- do what you planned to do, set a target (to reduce waste)

C- check (monitor and record) waste generated

A- Action to be taken if waste generation is high

Visit: http://www.iso.org/iso/en/kidsiso14000/introduction/introp_6.html

PEAK (Promoting Environmental Awareness in Kids) Programme: Colorado, U.S.A.




The programme educates children about the outdoors and responsible enjoyment of public lands.

The PEAK Principles

- KNOW BEFORE YOU GO
- CHOOSE THE RIGHT PATH
- TRASH YOUR TRASH
- LEAVE WHAT YOU FIND
- BE CAREFUL WITH FIRE
- RESPECT WILDLIFE
- BE KIND TO OTHER VISITORS

Visit <http://www.lnt.org/programs/peak/index.html>



Art around the world campaign: United Kingdom

Children are invited to take part in the Art Around the World Campaign, raising awareness on the importance of protecting the local environment and sustainable development.

The competition consist of two parts:

- (1) First drawing: their view about the existing environment, health, and quality of life
- (2) Second drawing: Propose a project (idea) and what they wish to see carried out.

Upcoming event: 2007

"Tales around the world - life stories of people with nature", the environmental awareness campaign aimed at students between 8 and 11 years of age.

For more information see: <http://www.veoliaenvironnement.com/globe/en/sketches/2007-campaign.aspx>



Disusun oleh: Tengku Hanidza Tengku Ismail Emel: thanidza@env.upm.edu.my